



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

School of
Professional and
Continuing
Education
(SPACE)

**FINAL EXAMINATION / PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER 2 – SESSION 2018/2019
PROGRAM KERJASAMA**

COURSE CODE : DDWG 2533 / DDPW 2133
KOD KURSUS

COURSE NAME : INTRODUCTION TO FINANCE / PENGENALAN KEWANGAN
NAMA KURSUS

YEAR / PROGRAMME : 2DDWG / 2DDPW / 2DDPG
TAHUN / PROGRAM

DURATION : 2 HOURS 30 MINUTES / 2 JAM 30 MINIT
TEMPOH

DATE : APRIL 2019
TARIKH

INSTRUCTION : Answer all questions in the answer booklet provided.
ARAHAN : [Jawab semua soalan di dalam buku jawapan yang disediakan.]

(You are required to write your name and your college's name on your answer script)
(Pelajar dikehendaki tuliskan nama dan nama kolej pada skrip jawapan)

NAME / NAMA PELAJAR	:
I.C NO. / NO. K/PENGENALAN	:
YEAR / COURSE TAHUN / KURSUS	:
COLLEGE NAME NAMA KOLEJ	:
LECTURER'S NAME NAMA PENSYARAH	:

This examination paper consists of 7 pages including the cover
Kertas soalan ini mengandungi 7 muka surat termasuk kulit hadapan



PUSAT PROGRAM KERJASAMA

PETIKAN DARIPADA PERATURAN AKADEMIK ARAHAN AM - PENYELEWENGAN AKADEMIK

1. SALAH LAKU SEMASA PEPERIKSAAN

1.1 Pelajar tidak boleh melakukan mana-mana salah laku peperiksaan seperti berikut :-

- 1.1.1 memberi dan/atau menerima dan/atau memiliki sebarang maklumat dalam bentuk elektronik, bercetak atau apa jua bentuk lain yang tidak dibenarkan semasa berlangsungnya peperiksaan sama ada di dalam atau di luar Dewan Peperiksaan melainkan dengan kebenaran Ketua Pengawas; atau
- 1.1.2 menggunakan maklumat yang diperolehi seperti di atas bagi tujuan menjawab soalan peperiksaan; atau
- 1.1.3 menipu atau cuba untuk menipu atau berkelakuan mengikut cara yang boleh ditafsirkan sebagai menipu semasa berlangsungnya peperiksaan; atau
- 1.1.4 lain-lain salah laku yang ditetapkan oleh Universiti (seperti membuat bising, mengganggu pelajar lain, mengganggu Pengawas menjalankan tugasnya).

2. HUKUMAN SALAH LAKU PEPERIKSAAN

2.1 Sekiranya pelajar didapati telah melakukan pelanggaran mana-mana peraturan peperiksaan ini, setelah diperakukan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Fakulti dan disabitkan kesalahannya, Senat boleh mengambil tindakan dari mana-mana satu yang berikut :-

- 2.1.1 memberi markah SIFAR (0) bagi keseluruhan keputusan peperiksaan kursus yang berkenaan (termasuk kerja kursus); atau
- 2.1.2 memberi markah SIFAR (0) bagi semua kursus yang didaftarkan pada semester tersebut.

2.2 Jawatankuasa Akademik Fakulti boleh mencadangkan untuk diambil tindakan tatatertib mengikut peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971, Kaedah-kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Tatatertib Pelajar-pelajar), 1999 bergantung kepada tahap kesalahan yang dilakukan oleh pelajar.

2.3 Pelajar yang didapati melakukan kesalahan kali kedua akan diambil tindakan seperti di perkara 2.1.2 dan dicadang untuk diambil tindakan tatatertib mengikut peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971, Kaedah-kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Tatatertib Pelajar-pelajar), 1999.

Answer ALL questions.

(TOTAL 100 marks)

[Jawab SEMUA soalan.]

[JUMLAH 100 markah]

Q1. Distinguish between the following types of financial markets:-

[Bezakan antara jenis-jenis pasaran kewangan berikut:-]

a. Capital Market and Money Market.

[Pasaran Modal dan Pasaran Wang.]

(2m)

b. Public Offering and Private Placement.

[Penawaran Awam dan Penawaran Tertutup.]

(2m)

Q2. Mysara is considering an investment in Treasury Bond but you are not sure what rate of interest it should pay.

[Mysara sedang mempertimbangkan satu pelaburan dalam Bon Perbendaharaan tetapi anda tidak pasti apakah kadar faedah yang patut dibayar.]

a. Assume that the real risk-free rate of interest is 1.0%, inflation is expected to be 2%, the maturity risk premium is 3.5%, and, the default risk premium for corporate bonds is 4.5%. What rate of interest should the Treasury Bond pay?

[Andaikan kadar sebenar faedah tanpa risiko ialah 1.0%, inflasi dijangka menjadi 2%, premium risiko kematangan ialah 3.5%, dan premium risiko kegagalan membayar balik untuk bon korporat ialah 4.5%. Apakah kadar faedah yang patut dibayar oleh Bon Perbendaharaan?] (2m)

b. Explain briefly THREE theories for the term structure of interest rates.

[Jelaskan secara ringkas TIGA teori untuk terma struktur kadar faedah.]

(3m)

Q3. a. You plan to buy a car that has a total cost of RM80,700. You will make a down payment of RM8,070. The remainder of the car's cost will be financed over a period of 2 years. You will repay the loan by making equal monthly payments. Your quoted annual interest rate is 12% compounded monthly. (The first payment will be due one month after the purchase date.) What will your monthly payment be?

[Anda merancang untuk membeli sebuah kereta yang mempunyai kos sebanyak RM80,700. Anda akan membuat bayaran pendahuluan sebanyak RM8,070. Baki kos kereta akan dibiayai selama 2 tahun. Anda akan membayar balik pinjaman dengan membuat bayaran bulanan yang sama. Kadar faedah tahunan adalah 12% dikompaunkan setiap bulan. (Bayaran pertama akan dibayar sebulan selepas tarikh pembelian.) Apakah bayaran bulanan anda?] (4m)

- b. Suppose you want to have RM500,000 saved by the time you reach age 30 and suppose that you are 20 years old today. If you can earn 5% compounded annually on your funds, how much would you have to invest today to reach your goal?

[Anda ingin menyimpan RM500,000 pada masa anda mencapai umur 30 tahun dan sekarang anda berusia 20 tahun. Jika anda boleh memperoleh faedah 5% dikompaunkan tahunan pada dana anda, berapa banyak yang perlu anda laburkan pada hari ini untuk mencapai matlamat anda?] (2m)

- Q4. Tyara owns a portfolio consisting of the stocks below. The risk-free rate is 7% and the expected return on the market portfolio is 16%.

[Tyara mempunyai portfolio yang mengandungi saham-saham di bawah. Kadar tanpa risiko ialah 7% dan pulangan dijangka ke atas portfolio pasaran ialah 16%.]

Stock [Saham]	Percentage of Portfolio [Peratusan Portfolio]	Beta [Beta]	Expected Return [Pulangan Dijangka]
1	40%	1.00	16%
2	25%	0.75	12%
3	35%	1.50	22%

- a. Calculate the portfolio beta. Would her portfolio be considered more or less risky than the market?

[Kirakan portfolio beta. Adakah portfolio beliau akan dikira lebih berisiko atau kurang risiko daripada pasaran?] (2m)

- b. Prepare and plot the Security Market Line (SML). Plot the stocks from her portfolio on your graph. Briefly interpret these findings.

[Sediakan dan plot Garis Pasaran Sekuriti (SML). Tandakan kedudukan saham-saham daripada portfolio beliau pada graf anda. Secara ringkas jelaskan hasil maklumat carian tersebut.] (8m)

- Q5. Dana Corporation is contemplating a new investment and asking you as their financial consultant to help them determine the associate cost of capital for the following sources of financing:-

[Syarikat Dana sedang mempertimbangkan pelaburan baru dan meminta anda selaku perunding kewangan syarikat untuk membantu mereka menentukan kos-kos modal yang berkaitan untuk beberapa sumber kewangan seperti berikut:-]

- a. The company could sell new RM1,000 par value bonds at a price of RM1,250. The coupon interest rate is 12%, and the bonds would mature in 10 years. There would also be a floatation cost of RM50 per bond and the company is in a 25% tax bracket. What is the after-tax cost of debt to the company? (Round your answer on cost of debt before-tax to the nearest hundredth)

[Syarikat boleh menjual bon baru bernilai par RM1,000 pada harga RM1,250. Kadar faedah kupon adalah 12% dan tempoh matang bon adalah 10 tahun. Terdapat kos apungan sebanyak RM50 untuk setiap bon dan syarikat dalam julat cukai 25%. Berapakah kos modal selepas cukai bon kepada syarikat? (Bundarkan jawapan anda ke atas kos modal sebelum cukai bon kepada peratus terdekat)]

(7m)

- b. The company could issue new common stock when the most recent paid dividend was RM2 per share. The company's dividends per share should continue to increase at 6% growth rate into indefinite future. The market price of each stock is currently RM38; however, floatation costs of 6% per share are expected. What is the cost of capital for the common stock?

[Syarikat boleh menerbitkan saham biasa baru apabila dividen yang baru sahaja dibayar adalah RM2 sesaham. Dividen sesaham syarikat dijangka akan terus meningkat pada kadar peringkatan 6% sehingga satu tempoh akan datang yang tidak terbatas. Harga semasa setiap saham adalah RM38; walaubagaimanapun, kos apungan sebanyak 6% sesaham adalah dijangka. Berapakah kos modal untuk saham biasa?]

(7m)

- c. The company could issue preferred stock. The stock sells for RM105, however if new stock is issued, the company would receive only RM88. The par value of the stock is RM100 and the dividend is RM10. What is the cost of capital for the preferred stock to the company?

[Syarikat boleh menerbitkan saham keutamaan. Saham tersebut dijual untuk RM105, walau bagaimanapun syarikat akan dapat menerima hanya sebanyak RM88 jika saham baru diterbitkan. Nilai par saham tersebut adalah RM100 dan dividen adalah RM10. Berapakah kos modal kepada syarikat untuk saham keutamaan?]

(3m)

- d. Based on the above results, compute the company's weighted average cost of capital (WACC) if the company plans to maintain its capital structure of 35% debt, 50% common stock, and 15% preferred stock of equity.

[Berdasarkan pada jawapan di atas, kirakan kos modal purata wajaran (KMPWWACC) jika syarikat bercadang untuk mengekalkan struktur modalnya, iaitu hutang 35%, ekuiti saham biasa 50% dan ekuiti saham keutamaan 15%.]

(5m)

- e. The rate of return on the new project is expected to be at 10%. Given your answer in part (d) above, should project be accepted? Why?

[Kadar pulangan untuk projek baru adalah dijangka pada 10%. Berdasarkan jawapan anda di bahagian (d) di atas, adakah projek tersebut perlu diterima? Mengapa?]

(3m)

Q6. Digital World is considering two **mutually exclusive** projects. The required rate of return on these projects is 9%. The maximum allowable payback period for the project is 4 years. The two projects provide the following set of after-tax net cash flows:

[Digital World sedang mempertimbangkan dua jenis projek saling eksklusif. Kadar pulangan yang diperlukan untuk projek-projek tersebut ialah 9%. Tempoh maksima bayaran balik projek yang dibenarkan ialah 4 tahun. Kedua-dua projek tersebut memberikan aliran tunai selepas cukai seperti berikut:]

	<u>PROJECT A</u>	<u>PROJECT B</u>
	<u>[PROJEK A]</u>	<u>[PROJEK B]</u>
Initial Outlay <i>[Pelaburan Awal]</i>	-RM500,000	-RM500,000
Inflow year 1 <i>[Aliran masuk tahun 1]</i>	120,000	132,000
Inflow year 2 <i>[Aliran masuk tahun 2]</i>	130,000	132,000
Inflow year 3 <i>[Aliran masuk tahun 3]</i>	140,000	132,000
Inflow year 4 <i>[Aliran masuk tahun 4]</i>	150,000	132,000
Inflow year 5 <i>[Aliran masuk tahun 5]</i>	150,000	132,000

Required: [Dikehendaki:]

- a. Determine the payback period for each project.
[Tentukan tempoh bayaran balik untuk setiap projek.] (3m)

- b. Calculate the Net Present Value (NPV) for each project.
[Kirakan Nilai Kini Bersih (NPV) untuk setiap projek.] (7m)

- c. Calculate the Profitability Index (PI) for each project.
[Kirakan Indeks Keberuntungan (PI) untuk setiap projek.] (2m)

- d. The Internal Rate of Return (IRR) for project A is 11.29%. Calculate the IRR for project B.
[Kadar Pulangan Dalaman (IRR) Projek A ialah 11.29%. Kirakan 'IRR' untuk projek B.] (3m)

- e. Based on the IRR given and your answers in part (b) and (c) above, explain briefly which project should be accepted.
[Berdasarkan IRR yang diberi dan jawapan anda dalam bahagian (b) dan (c) di atas, terangkan secara ringkas projek manakah yang patut diterima.] (5m)

- f. What is the difference between mutually exclusive project and independent project? How do the accept-reject criteria differ in reference to the above projects?
[Apakah perbezaan di antara projek saling eksklusif dan projek tidak bergantung? Bagaimanakah kriteria terima-tolak berbeza dengan merujuk kepada projek-projek di atas?] (5m)

Q7. The Oily Corporation is considering the purchase of an oil processing machine for RM200,000. The purchase of this machine will result in an increase in earnings before interest and taxes of RM50,000 per year. To operate the machine properly, workers would have to go through a brief training session that would cost RM5,000 after taxes. It would also cost RM5,000 to install the machine properly. In addition, its purchase would necessitate an increase in inventory of RM20,000. This machine has an expected life of 10 years, after which it will have no salvage value. Finally, to purchase the new machine, the firm would have to borrow RM100,000 at 8% interest from its local bank, resulting in additional interest payments of RM8,000 per year. Assume straight-line depreciation, a 25% marginal tax rate, and required rate of return of 15%.

[Syarikat Oily sedang membuat penilaian pembelian sebuah mesin pemrosesan minyak pada kos RM200,000. Pembelian mesin tersebut dapat menghasilkan pertambahan pendapatan sebelum faedah dan cukai sebanyak RM50,000 setahun. Untuk menggunakan mesin tersebut dengan baik, pekerja-pekerja perlu mengikuti sesi latihan ringkas yang menelan belanja sebanyak RM5,000 selepas cukai. Pembelian tersebut juga memerlukan kos sebanyak RM5,000 untuk pemasangan mesin dengan baik. Sebagai tambahan, pembelian tersebut akan memerlukan peningkatan inventori sebanyak RM20,000. Mesin tersebut mempunyai jangka hayat selama 10 tahun, dan tidak mempunyai nilai sisa. Akhirnya, untuk membeli mesin tersebut, syarikat perlu meminjam daripada bank tempatan sebanyak RM100,000 pada kadar faedah 8%, menyebabkan bayaran tambahan untuk faedah sebanyak RM8,000 setahun. Diandaikan susut nilai menggunakan kaedah garis lurus, kadar margin cukai sebanyak 25%, dan kadar pulangan diperlukan ialah 15%.]

Required: [Dikehendaki:]

- a. What is the initial investment associated with this project?
[Berapakah pelaburan awal bagi projek tersebut?] (5m)
- b. What are the annual after-tax cash flows associated with this project for years 1 through 9?
[Berapakah aliran tunai tahunan selepas cukai bagi projek tersebut untuk tahun 1 sehingga 9?] (5m)
- c. What is the terminal cash flow in year 10?
[Apakah aliran tunai akhir pada tahun 10?] (5m)
- d. What is the project's Net Present Value (NPV)? Should this machine be purchased?
[Apakah Nilai Masa Kini (NPV) projek tersebut? Patutkan mesin ini dibeli?] (6m)
- e. As a rule, any decision on financing the asset should be excluded from capital-budgeting analysis. Discuss.
[Sebagai peraturan, sebarang keputusan ke atas pembiayaan aset tidak perlu dimasukkan ke dalam analisa belanjawan modal. Bincangkan.] (4m)

Mukasurat ini sengaja dibiarkan kosong

[This page is purposely left blank]